

Newspaper	Berita Harian
Date	26/7/2013

# Dasar Pandang Ke Timur diperluas

BH - 26/7/2013

**Putrajaya:** Malaysia dan Jepun sepakat memperkukuhkan hubungan dua hala menerusi gelombang kedua Dasar Pandang Ke Timur (DPT), yang menyaksikan kejayaan pelbagai usaha sama antara kedua-dua negara sejak 30 tahun lalu.

Datuk Seri Najib Razak berkata, gelombang kedua itu tidak wajar terhad kepada latihan dan pendidikan, sebaliknya perlu lebih berdaya maju dengan tumpuan berasaskan kepada keutamaan serta perubahan struktur ekonomi semasa.

Perdana Menteri dalam kenyataan bersama selepas pertemuan tertutup dengan rakan sejawatnya dari Jepun, Shinzo Abe berkata, gelombang kedua itu akan diselenggarakan supaya serasi dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilaksanakan Malaysia sekarang.

"Dalam ETP kita tumpukan pada kawasan strategik dan berharap bantuan Jepun, terutama dalam bidang teknologi hijau, sistem pelupusan sisa pepejal, rawatan air dan kereta api berkelajuan tinggi.

"Tunjang utama DPT ialah Institut Teknologi Malaysia-Jepun (MJIT) di Kuala Lumpur. Ini kita akan teruskan, rakan sejawatan saya dari Jepun bersetuju menghantar lebih ramai pelajar Jepun belajar di sini dan kita juga akan terus hantar pelajar ke Jepun terutama dalam jurusan sains dan teknologi.

"Rundingan hari ini (semalam) turut membabitkan pelbagai perkara berkaitan hubungan dua hala kita yang sudah terjalin lebih 50 tahun dan kini akan bertambah ku-



**Najib menerima kunjungan hormat Abe di Dataran Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Jepun ke Malaysia, semalam.**

[FOTO EFFENDY RASHID/BH]

“**Gelombang kedua itu diselenggarakan supaya serasi dengan ETP yang dilaksanakan Malaysia sekarang**”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

kuh menerusi gelombang kedua ini,” katanya ketika membacakan kenyataan bersama dengan Abe di sini, semalam.

Terdahulu, Abe, yang mengadakan lawatan rasmi dua hari ke negara ini diberi sambutan rasmi di Dataran Bangunan Perdana Putra di sini. Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan menteri Kabinet.

Sempena pertemuan mereka, kedua-dua pemimpin turut menyaksikan majlis me-

nandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) termasuk antara 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan Japan Bank for International Cooperation (JBIC) berhubung pengeluaran bon Samurai.

MoU kedua adalah antara 1MDB dan Toshiba Corporation bagi meneroka peluang rawatan barah.

Abe turut diraikan pada majlis makan malam dihoskan Najib di Sri Perdana, malam tadi.